



KENYATAAN MEDIA

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA

SEMINAR PENYELIDIKAN BELIA KEBANGSAAN 2021 MENYEDIAKAN PLATFORM KEPADA PENYELIDIK MUDA

YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu, Menteri Belia dan Sukan telah menyempurnakan perasmian Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan 2021 (YOURS'21) bertemakan Membentuk Masa Depan: Cabaran Belia Masa Kini secara atas talian melalui platform Zoom Webinar hari ini.

Program Seminar YOURS'21 ini merupakan anjuran kali kelima Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) selepas pertama kali diadakan pada tahun 2016. Kali ini merupakan penganjuran pertama dengan kerjasama Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam perkongsian hasil penyelidikan yang memfokuskan kepada pembangunan belia.

Seminar ini merupakan antara medium utama dalam membincangkan isu-isu belia dari perspektif penyelidikan khususnya isu-isu yang relevan, terkini dan memberi fokus kepada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh belia. Di samping itu, seminar ini turut mengetengahkan kepentingan pelaksanaan inisiatif/ program pembangunan belia berpacuan data (*data driven*).

YOURS'21 menampilkan 53 pembentangan kertas kerja yang melibatkan 10 sub tema. Daripada 53 pembentang tersebut, enam (6) merupakan pembentang antarabangsa dan 47 pembentang tempatan. Salah seorang daripada pembentang tempatan ialah adik Syabil Fikri

Syamsul Maizam merupakan pembentang termuda menyertai seminar ini.

Adik Syabil merupakan seorang pelajar tingkatan empat dan berumur 16 tahun, beliau membentangkan mengenai Kepentingan Inovasi Kepada Belia Malaysia: Sorotan Perbandingan. Kajian beliau membincangkan tentang peluang belia dalam dunia inovasi dan penyelidikan berbanding negara Jepun yang pesat membangun bagi melandasi masalah yang dihadapi orang muda untuk terus berinovasi.

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)
30 November 2021

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:
Unit Komunikasi Korporat, IYRES Tel: 03 - 8871 3337